

JENAYAH MENCURI: KAJIAN PERBANDINGAN DI
ANTARA KANUN KESEKSAAN DAN HUKUM ISLAM

FADILAH BINTI ABD RAHMAN

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511194433

**JENAYAH MENCURI: KAJIAN PERBANDINGAN DI
ANTARA KANUN KESEKSAAN DAN HUKUM ISLAM**

FADILAH BINTI ABD RAHMAN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
BAHAGIAN II (SECARA KURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003**

ABSTRAK

Kesalahan mencuri merupakan salah satu daripada jenayah yang melibatkan hartabenda. Di Malaysia, hak seseorang terhadap hartanya telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Di negara ini, berbagai undang-undang jenayah telah digubal bagi melindungi hak setiap individu terhadap hartanya daripada dicerobohi. Hukuman yang tertentu juga telah turut diperuntukkan bagi memastikan setiap penjenayah dihukum di atas kesalahan yang dilakukannya. Di antara undang-undang yang menyentuh khusus mengenai hal-hal jenayah di negara ini ialah Kanun Keseksaan.

Fokus kajian ini adalah bagi mengkaji peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah Kanun Keseksaan berkenaan kesalahan mencuri dari aspek definisinya, elemen-elemen yang membentuk jenayah tersebut serta hukuman yang dikenakan ke atas pesalah. Selain itu, undang-undang jenayah Islam berkenaan kesalahan ini juga telah turut dibincangkan. Kemudian, kajian perbandingan di antara kedua-dua undang-undang ini akan dilakukan bagi menganalisa dan menilai kedudukan peruntukan-peruntukan Kanun Keseksaan berkenaan samada selari dengan hukum Islam atau sebaliknya. Seterusnya, tahap keberkesanannya sebagai undang-undang yang terpakai di negara ini di dalam menangani jenayah curi juga akan turut dianalisa.

Adalah diharapkan agar kajian ini akan dapat menjelaskan lagi kedudukan Kanun Keseksaan dari perspektif hukum Islam samada ianya bertentangan dengan hukum Islam secara mutlak atau sebaliknya. Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat menjelaskan salah tanggap dan kekeliruan yang terdapat di kalangan masyarakat selama ini terhadap hukum Islam khususnya di dalam kesalahan mencuri.

ABSTRACT

Theft is one of various offences against property. In Malaysia, one's right to his property is guaranteed by the Federal Constitution. In this country too, various types of laws have been enacted in order to protect each citizen's right to his property from violation. Certain punishments have also been instituted against the criminals for their crimes. Amongst the written laws that deal directly with criminal cases in this country is the Penal Code of Malaysia.

This research only focuses on the study of the provisions regarding theft as provided by the Malaysian Penal Code from various aspects which include the definition of theft, the elements that constitute the offence and its punishments. Besides that, the Islamic law on theft will also be discussed throughout this research. Then, a comparative study will be conducted to make comparison between these two laws on theft in order to analyse and assess the position of the provisions of Penal Code from the Islamic point of view. Its effectiveness as the enforcing law of this country in handling the offence of theft will also be analysed.

It is hoped that this research will help to explain the actual position of the Malaysian Penal Code from the Islamic point of view whether it is totally against Islamic Law or not. This research can also help to clarify some misconceptions and misunderstandings among the Malaysian society of the Islamic criminal law, particularly on theft.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Pertama-tamanya setinggi-tinggi rasa syukur kehadrat Allah yang sentiasa kaya dengan limpah kurniaNya, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga baginda, para sahabat dan umat muslimin seluruhnya. Rasa syukur yang tidak terhingga di *rafa* kan kehadrat Allah, kerana dengan izin dan bantuanNYA, penulis berjaya juga akhirnya menyelesaikan penulisan disertasi ini.

Di kesempatan ini, penulis ingin sekali merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang dihormati, iaitu Puan Siti Zubaidah Binti Ismail, pensyarah, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, yang telah banyak memberi panduan, bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis di dalam usaha menyiapkan tugas ini.

Selain itu, ucapan terima kasih diucapkan kepada Prof. Dato' Dr. Mahfodz Bin Mohamed, bekas pensyarah Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya selaku penyelia awal penulis sebelum persaraannya. Begitu juga setinggi ucapan terima kasih buat Prof. Madya Dr. Suwaid Bin Tapah yang amat banyak memberi panduan kepada penulis di dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga, setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada suami yang dikesihi dan dihormati, iaitu Encik Hj Ahmad Suhaimi Bin Yahya di atas segala bantuan dan dorongan yang telah diberikan selama ini. Begitu juga kepada anak-anak tersayang, Ahmad Afif Bin Ahmad Suhaimi dan Ahmad Alif Bin Ahmad

Suhaimi yang menjadi penghibur hidup penulis. Tanpa sokongan mereka, mungkin tugas ini tidak berhasil. Tidak ketinggalan juga setinggi penghargaan kepada kedua ibubapa penulis yang dikasih En. Hj. Abd Rahman Bin Mohd Noor dan Pn. Hajjah Maimun Binti Hj Ibrahim di atas sokongan mereka.

Ucapan terima kasih juga kepada En. Mohamed Azam Bin Mohamed Adil dan isteri, yang turut menyumbangkan teguran dan nasihat di dalam pembikinan tugas ini, juga rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberikan kerjasama.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh kakitangan Perpustakaan UIAM, Perpustakaan Undang-undang Prof. Ahmad Ibrahim UM, Perpustakaan Tun Abd Razak UiTM Shah Alam dan Sekyen 17 Shah Alam dan mereka yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung di dalam penyediaan tugas ini.

Semoga kalian memperolehi ganjaran Allah di atas segala kerjasama yang telah diberikan. Amin.

Fadilah Abd Rahman
Mac 2003

DAFTAR ISI

JENAYAH MENCURI: KAJIAN PERBANDINGAN DI ANTARA KANUN KESEKSAAN DAN HUKUM ISLAM

<u>Kandungan</u>	<u>Halaman</u>
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Daftar Isi	vi
Transliterasi	ix
Senarai Kependekan	x
Senarai Kes	xii
Senarai Statut	xiv
Pendahuluan	xv

BAB SATU Mukasurat **DEFINISI ‘MENCURI’**

Definisi Mencuri: Perbandingan di antara Kanun Keseksaan dan Hukum Islam	2
--	---

BAB DUA **ELEMEN-ELEMEN ‘MENCURI’**

Elemen-elemen ‘Mencuri’: Perbandingan di antara Kanun Keseksaan dan Hukum Islam	11
1.1 Elemen Pertama: Mengambil harta bolehalih	11
a. Bahan-bahan dalam tanah	14
b. Tubuh badan manusia	14

c. Tenaga Elektrik	15
d. Darah	15
e. Pokok	16
f. Air	16
g. Ikan dalam air	17
h. Haiwan	18
1.2 Elemen Kedua: Mengambil harta milik orang lain	19
1.3 Elemen Ketiga: Mengambil harta tanpa kerelaan pemiliknya	23
1.4 Elemen Keempat: Menggerakkan harta dengan tujuan hendak mengambilnya	26
1.5 Elemen Kelima: Mengambil harta dengan niat yang curang	28

BAB TIGA

HUKUMAN BAGI KESALAHAN MENCURI

1. Hukuman Kesalahan Mencuri Menurut Kanun Keseksaan	41
1.1 Hukuman bagi kesalahan mencuri biasa	41
1.2 Hukuman bagi kesalahan mencuri kenderaan bermotor	43
1.3 Hukuman bagi kesalahan mencuri di dalam rumah kediaman	45
1.4 Hukuman bagi kesalahan mencuri yang dilakukan oleh seorang kerani atau orang gaji	48
1.5 Hukuman bagi kesalahan mencuri yang dilakukan setelah membuat persiapan untuk mengakibatkan kematian atau kecederaan	51
1.6 Hukuman bagi orang yang telah disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 379,380 atau 382 kemudiannya melakukan kesalahan di bawah seksyen itu juga	53
2. Faktor-faktor yang diambilkira oleh mahkamah di dalam menjatuhkan hukuman	54

3. Hukuman Kesalahan Mencuri: Perbandingan di antara Kanun Keseksaan dan hukum Islam	62
--	----

BAB EMPAT

RUMUSAN	75-80
----------------	--------------

BIBLIOGRAFI	82-89
--------------------	--------------

LAMPIRAN

TRANSLITERASI

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan bahasa Arab digunakan mengikut Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi(1988), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konsonan

أ	a	ض	q
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	'
ج	j	غ	gh
ح	ħ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h
ش	sy	و	w
ص	š	ي	y
ء	,	ة	ah

VOKAL

PENDEK	PANJANG	DIFTONG
أ = a	إ = ā	إي = ay
إ = i	إي = ī	إو = aw
ء = u	ءو = ū	

SENARAI KEPENDEKAN:

Singkatan	Makna
AIR	All Indian Reports
ALR	All Law Reports
Anor.	Another
Bom.	Bombay
C.	Cetakan
Cal.	Calcutta
CLJ	Current Law Journal
Cr. LJ	Criminal Law Journal
Dr.	Doktor
ed.	Edisi
<i>et. al</i>	<i>et alia</i> , dan pengarang-pengarang lain
h./hlm.	Halaman
Hj.	Haji
<i>ibid</i>	<i>Ibidem</i> , pada tempat yang sama
ILR	Indian Law Report
J. / j.	Jilid
Juz.	Juzuk
JLR	Johore Law Report
Mad.	Madras
MC	Magistrate Court
MLJ	Malayan Law Journal
<i>op cit</i>	<i>Opere citato</i> , dalam karya yang dirujuk sebelumnya
PP	Public prosecutor

Prof.	Professor
Pvt. Ltd.	Private limited
r. 'a	Rađiyallāhu'anhu
s.'a.w	Şallāllahu'alaihiwasallam
S.C	Supreme Court
SLR	Singapore Law Report
SCR	Sarawak Court Report
S.W.T	Subḥānahuwata'ālā
Terj.	Terjemahan
t.t	Tanpa tarikh
T.T.P	Tiada tempat penerbit
WLR	Weekly Law Report
v	Versus, lawan

SENARAI KES:

- Avtar Singh* (1985) 1 *Cr.LJ* 605
- Banta Singh v PP* (1941) *MLJ* 127
- Busrah Binti Amin v R* (1955) *SCR* 10
- Che Man Bin Che Mud v PP* (1994) 4 *CLJ* 823
- Empress v Troylukho Nath Chowdry* (1878) *WLR* 310
- Gurdit Singh v PP* (1983) 1 *MLJ* 264
- Khairuddin v PP* (1969) 1 *MLJ* 45
- K.N Mehra v State Of Rajashtan A.I.R* (1957) *S.C* 369
- Lai Chang Ngiang v PP* (1930) 1 *JLR* 30
- Latif v State* PLD [1981] FSC 108
- Mahadeo Prasad* (1923) 45 *All* 680
- Majoo Shah v State* NLR [1981] Cr. L.J 278, P. Cr. L. 476
- Mohamed Ali v PP*(1956) *MLJ* 84
- Mohd Saeed v Martial Law Administrator, Punjab* (1979) *SCMR* 484
- Munandu v PP* (1984) *MLJ LEXIS* 487
- Narayasanmy v PP* (1968) 1 *MLJ* 273
- Packeer Ally v Savarimuthu* (1916) 2 *CWR* 216
- PP v Goo Kian* (1939) 8 *MLJ* 291
- PP v Gursevar Singh* (1971) 1 *MLJ* 16
- PP v Amat Bin Ali & Anor.* (1955) 21 *MLJ* 74
- PP v Ramiah & Ors.* (1959) *MLJ* 204
- PP v Roslan Bin Imun* (1999) 3 *MLJ* 659
- PP v Wong Chak Heng* (1985) 1 *MLJ* 457
- PP v Tan Eng Hock* (1970) 2 *MLJ* 15
- PP v Tan King Hua* (1966) 1 *MLJ* 1965

- PP v Joehari Bin Abdullah dan seorang lagi* (1996) 5 *MLJ* 324
- PP v Tan Kooi Choo* (1961) *MLJ* 85
- Pyare Lal v State Of Rajashtan* *AIR* (1963) SC 1094
- Queen Empress v Sri Churn Cungo* *ALR* 22 Cal. 1017
- Queen Empress v Shivram* (*I.L.R*) 15 Bom. 702
- Ramadhin* (1902) 25 *All* 129
- Ramah v Laton* (1972) 6 *F.M.S.L.R.* 128
- Raja Mohamed v PP* (1963) 29 *MLJ* 339
- Re Loo Moh Sai* (1957) *MLJ* 16
- Rex v Lim Soon Gong & Ors* (1939) *MLJ* 10
- Sanyasi Apparao v Bodepalli Lakshminarayawa* (1962) *AIR S.C* 586
- Sathasivam dan lain-lain v PP* (1949) *MLJ* 71
- Shaik Abdul Latif and Others v Shaik Elias Bux* (1915) 1 *F.M.S.L.R* 204
- Sittabai Purshottam v Emperor* (1931) 32 *Cr. LJ* 287
- Suri Venkatappayya Sastri v Madula Venkanna* *I.L.R* 27 Madras
- Talha & Anor. v PP* (1971) 2 *MLJ* 167
- Tan Ah Lay v PP* (1998) 2 *SLR* 872
- Tan Foo Su v PP* (1967) 27 *MLJ* 85
- Tan Kooi Choo v PP* (1961) 27 *MLJ* 85
- Thiangiah & Anor. v PP* (1976) 1 *MLJ* 79
- Tsen En Fook v R* (1953) *SCR*
- Ward & Anor. v PP* (1953) 19 *MLJ* 153
- Wong Siew v PP* (1933) 1 *MC* 154
- Zakariya Bin Musa v PP* (1985) 2 *MLJ* 221

SENARAI STATUT:

Perlembagaan Persekutuan

-Perkara 13(1)

Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574)

-Seksyen 22, 23, 24, 27, 52, 90, 378, 379, 379A, 380, 381, 382, 382A

Akta Bekalan Tenaga Elektrik Malaysia 1990

- Seksyen 37(3)

Indian Penal Code 1860

-Seksyen 378, 379, 380, 381, 382

Indian Electricity Supply Act 1910

-Seksyen 39

Pakistan Penal Code 1860

-Seksyen 378, 379

Pakistan Offences Against Property (Enforcement Of Hudood) Ordinance 1970

-Seksyen 6, Seksyen 7, Seksyen 9(1),(2),(6) & (7), Seksyen 10, Seksyen 13,

Seksyen 14

Law of Offences Against Property, Libya 1972

-Perkara 2 (c)

PENDAHULUAN

LATARBELAKANG KAJIAN:

Keinginan untuk bekerja dan mengumpul harta merupakan fitrah semulajadi manusia semenjak ia dilahirkan. Setiap individu adalah bebas serta berhak untuk bekerja dan mencari harta seberapa banyak yang mungkin. Sesiapa jua tidak berhak untuk menyekat kebebasan ini. Harta yang telah diperolehi oleh setiap individu pula, perlulah dilindungi dan sebarang percubaan untuk mengganggu-gugat hak pemilikan dan ketuanpunyaan mereka terhadap hartabenda haruslah mendapat pembalasan yang sewajarnya. Tambahan pula, struktur ekonomi dan politik sesebuah masyarakat banyak bergantung kepada konsep harta persendirian.

Hak terhadap harta-benda juga diakui oleh semua agama termasuklah agama Islam. Islam juga mengiktiraf kebebasan bekerja malah sangat menggalakkan umatnya bekerja dan tidak hanya mengharapkan belas ihsan orang lain. Di samping itu, undang-undang tertentu ada diperuntukkan oleh Islam demi menjaga dan memelihara hak individu terhadap hartabenda mereka seperti undang-undang jenayah mencuri dan merompak. Hukuman yang tertentu juga turut disediakan ke atas sebarang bentuk kesalahan terhadap hartabenda orang lain seperti kesalahan *sariqah, hirabah, ikhtilās, nahb* dan *ghasb*.

Di Malaysia, hak terhadap harta ini telah diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan. Perkara 13(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan “*Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang*”. Selain

itu, berbagai undang-undang telah dikanunkan bagi melindungi hartabenda individu daripada sebarang bentuk jenayah seperti pencurian, pemerasan, pencerobohan, rompakan, penyalahgunaan harta secara jenayah seperti Kanun Keseksaan Malaysia, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Bekalan Tenaga Elektrik 1990, Akta Tandatangan Digital 1997 dan sebagainya.

Sungguhpun terdapat pelbagai bentuk jenayah terhadap harta, penulis hanya akan menfokuskan perbincangan kepada kesalahan mencuri sebagaimana yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan Malaysia dan Undang-undang Jenayah Islam beserta analisa perbandingan di antara kedua-dua undang-undang ini. Kesalahan-kesalahan lain yang melibatkan harta benda seperti pemerasan, rompakan, rompakan berkumpul, pecah rumah, pencerobohan, pecah amanah, penyalahgunaan harta secara jenayah, rampasan dan sebagainya tidak akan dibincangkan di dalam kajian ini. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan jenayah curi yang terdapat di dalam undang-undang selain Kanun Keseksaan, juga tidak akan diperbincangkan. Apabila membahaskan mengenai kesalahan mencuri menurut undang-undang Islam pula, penulis bermaksud, kesalahan mencuri sebagaimana yang difahami oleh para *fujaha*' dan ini tidak termasuk kesalahan *hirābah, ikhtilaṣ, nahb* dan *ghasb*.

Di negara ini, masyarakat Islam mahu pun bukan Islam, telah lama memperkatakan mengenai perlaksanaan hukum *hudūd* yang antara lain, termasuklah undang-undang mengenai kesalahan mencuri. Ramai yang menentang perlaksanaan hukum ini, tidak kurang juga yang sangat mengalu-alukannya dan terdapat juga segelintir yang tidak ada sebarang pendirian mengenai hal ini. Bagi golongan yang menentang habis-habisan hukum *hudūd* ini, sebahagian besarnya gerun dengan

bentuk hukuman bagi kesalahan mencuri, yakni potong tangan. Ianya disifatkan sebagai kejam, tidak berperikemanusiaan dan akan menyebabkan ramai rakyat Malaysia bertangan kudung. Bagi mereka yang tiada sebarang pendirian mengenai hal ini pula, rata-ratanya tiada pengetahuan dan maklumat yang jelas dan tepat terhadap undang-undang jenayah Islam. Oleh yang demikian, penulis merasakan suatu kajian perbandingan perlu dibuat bagi menjelaskan kekeliruan dan kekaburuan yang wujud agar konsep sebenar jenayah ini menurut pandangan syariat Islam dapat difahami.

Penulis telah membahagikan kajian ini kepada tiga perbincangan. Aspek yang pertama adalah undang-undang mengenai kesalahan mencuri sebagaimana yang diperuntukkan oleh Kanun Keseksaan Malaysia. Ini termasuklah definisi mencuri, elemen-elemennya serta hukuman yang diperuntukkan ke atas pesalah yang telah disabitkan kesalahannya. Aspek kedua melibatkan undang-undang bagi kesalahan mencuri menurut undang-undang Islam. Di dalam aspek kedua ini, perbahasan adalah berdasarkan kepada pelbagai pendapat *fiqaha*’ dari pelbagai mazhab fiqh. Hasil daripada kajian setiap topik pula, bagi aspek yang ketiga, analisa perbandingan telah dibuat diantara kedua-dua undang-undang berkenaan. Setelah itu, suatu rumusan telah dibuat terhadap kajian yang telah dilakukan.

KAJIAN TERDAHULU

Hasil penelitian yang telah dilakukan terhadap kajian terdahulu mengenai topik ini, penulis mendapati kajian perbandingan secara khusus bagi jenayah curi ini amat kurang dilakukan. Walaubagaimanapun, terdapat banyak hasil penulisan yang

membincangkan mengenai kedudukan hukum Islam dan pemakaianya sebagai undang-undang di Tanah Melayu pada zaman yang silam. Penulisan-penulisan ini penting dan berkait-rapat dengan kajian ini kerana ianya dapat menguatkan lagi hujah bahawa Undang-undang Islam amnya dan undang-undang jenayah Islam khususnya pernah menjadi undang-undang tempatan di negara ini dan bukan suatu undang-undang yang asing. Justeru itu, ianya memberi justifikasi bahawa idea untuk melaksanakan semula Undang-undang Islam di negara ini adalah relevan.

M.B Hooker di dalam tulisannya yang berjudul *Islamic Law in Southeast Asia* menyebutkan bahawa berdasarkan teks Melaka khususnya dan teks-teks Tanah Melayu umumnya menunjukkan bahawa idea pemerintahan di Tanah Melayu dan sifat kedaulatannya, peraturan untuk menjaga ketenteraman awam dan penyelesaian perselisihannya, undang-undang keluarga dan undang-undang perniagaan mengandungi unsur-unsur Islam.¹ Kewujudan hukum Islam di dalam hal-hal jenayah juga terkandung di dalam teks-teks tersebut. Di dalam teks *Undang-undang Melaka Sebenar* misalnya, pengenalan penalti Islam sebagai suatu pilihan kepada peraturan tempatan dapat dilihat di dalam Bab 7.2 teks berkenaan yang memperuntukkan bahawa ".../M]engikut undang-undang Tuhan sesiapa yang mencuri sepatutnya tidak dibunuh tetapi sebaliknya dipotong tangannya". Selain itu, hukuman *ta'zir* bagi kesalahan mencuri juga turut disebutkan di dalam Bab 11.1.

² Hal yang sama juga disebut oleh M.Y.Hashim di dalam tulisannya yang berjudul *Legal Codes of the Melaka Sultanate: An Appraisal*³. Di dalam tulisannya itu,

¹ M.B Hooker, (1992) *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (terj.) oleh Rohani Abdul Rahim, Raja Rohana Raja Mamat dan Anisah Che Ngah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 17-18

² *Ibid*

³ (1983) *Malaysian in History-Journal of the Malaysian Historical Society*, Vol. 26, hlm. 84

beliau menyatakan bahawa seperempat daripada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam undang-undang tempatan adalah terdiri daripada undang-undang Islam yang mencakupi hal-hal berkaitan perkahwinan, jual-beli dan jenayah. J.R Logan pula, di dalam tulisannya *A Translation of the Malayan Laws of the Principality of Johore*⁴, ada menyatakan bahawa selain Melaka, Undang-undang Johor juga turut dipengaruhi oleh undang-undang Islam. Terdapat beberapa ayat yang menyatakan bahawa undang-undang tersebut merujuk terus kepada undang-undang Islam seperti kenyataan yang menyebut "...according to the law of God" "...through the act of god" dan "...by the law of God". Pengaruh ini termasuklah di dalam hal-hal berkaitan jenayah. Bagi kesalahan mencuri contohnya, Undang-undang Johor memperuntukkan hukuman potong tangan sebagaimana undang-undang *hudud* Islam iaitu "...If a gang of thieves commit a robbery and one of the party only enters the dwelling, the individual alone shall be punished by amputation of hand"⁵

Kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang tempatan juga dapat dilihat berdasarkan beberapa kes yang pernah diputuskan oleh mahkamah. Di dalam kes *Shaik Abdul Latif and Others v Shaik Elias Bux*⁶ misalnya, Braddel CJ.C ada menyatakan bahawa undang-undang yang terpakai di kalangan penduduk di negeri-negeri Tanah Melayu adalah undang-undang Islam. Pandangan yang sama juga turut diperakukan oleh mahkamah di dalam kes *Ramah Iwn Laton*⁷. M.B Hooker di dalam ulasannya terhadap keputusan mahkamah di dalam kes *Ramah* menyatakan bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang yang betul untuk

⁴ J.R. Logan, (1855), JIAEA, art. IV, hlm. 9

⁵ *Ibid*

⁶ (1915) 1 F.M.S.L.R 204

⁷ (1972) 6 F.M.S.L.R. 128

dipakai dan ianya bukannya undang-undang “asing” tetapi adalah undang-undang tempatan dan oleh kerana itu mahkamah mestilah memberi perhatian kehakiman terhadap perkara tersebut.

Sebagaimana yang dimaklumi, sebelum mencapai kemerdekaan, Tanah Melayu telah pernah dijajah oleh pelbagai kuasa luar iaitu Portugis, Belanda dan British. Walaubagaimanapun, dari segi sistem perundangan, kedatangan Portugis dan Belanda tidak memberi sebarang kesan penting ke atas Tanah Melayu. Akan tetapi, setelah kedatangan British ke Tanah Melayu, beberapa langkah telah diambil oleh pihak British untuk memperkenalkan undang-undang Inggeris serta memastikan agar undang-undang berkenaan dilaksanakan di negara ini. Di antara langkah yang telah diambil ialah dengan memperkenalkan Sistem Residen di Negeri-negeri Bersekutu dan Piagam Keadilan di negeri-negeri Selat, yang sekaligus telah berjaya mengenepikan undang-undang Islam sebagai undang-undang awam yang mencakupi pelbagai aspek termasuk jenayah dan hanya dianggap sebagai undang-undang peribadi semata-mata. Setelah *Civil Law Ordinance of Straits Settlement* diperkenalkan pada tahun 1878 dan *Civil Law Enactment* pada tahun 1937, mahkamah telah diberi kuasa untuk memperkenalkan *Common Law* Inggeris dan Kaedah-kaedah Ekuiti. Ekoran dari itu, pelbagai undang-undang yang juga telah dilaksanakan oleh British di India telah turut diperkenalkan di negara ini.⁸ Di dalam aspek undang-undang jenayah, Kanun Keseksaan yang bersifat *pari materia* dengan *Penal Code of India 1860* telah diperkenalkan. Semenjak dari itu, undang-undang jenayah adat yang turut mengandungi undang-undang jenayah Islam telah diganti

⁸ Mohamad Hashim Kamali, (2000), *Islamic Law in Malaysia: Issues and Developments*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, hlm. 22-24

dengan Kanun Keseksaan yang berdasarkan *Indian Penal Code* dan *Criminal Procedure Code*.⁹

Bagi kajian di dalam bentuk dissertasi pula, setakat ini hanya terdapat satu sahaja kajian perbandingan yang telah dihasilkan yang menyentuh khusus mengenai kesalahan mencuri yang ditulis oleh Noraida Harun, iaitu dissertasi sarjana yang bertajuk *Theft: A Comparative Study Between Islamic Law, Malaysian Law And English Law*¹⁰. Menyedari bahawa terlalu kurangnya kajian yang mengupas secara khusus mengenai jenayah curi ini secara perbandingan di antara undang-undang Islam dan Kanun Keseksaan dan betapa perlunya penulisan di dalam bidang ini bagi memberikan kefahaman yang tepat kepada masyarakat, maka penulis merasa terpanggil untuk membuat kajian secara perbandingan di antara undang-undang Islam dan Kanun Keseksaan Malaysia di dalam kesalahan mencuri.

⁹ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, (1992), *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 22

¹⁰ Noraida Binti Harun, "Theft: A Comparative Study Between Islamic Law, Malaysian Law And English Law" (Disertasi Ijazah Sarjana , MCL, IIUM, 1995)

OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Objektif dan kepentingan kajian ini adalah:

1. Untuk menjelaskan undang-undang mengenai kesalahan mencuri menurut Kanun Keseksaan Malaysia
2. Untuk menjelaskan undang-undang mengenai kesalahan mencuri menurut undang-undang jenayah Islam
3. Untuk mencari persamaan diantara Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah Islam bagi kesalahan mencuri, sekiranya ada
4. Untuk mencari perbezaan diantara Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah Islam bagi kesalahan mencuri, sekiranya ada
5. Untuk mengikis tanggapan bahawa undang-undang jenayah Islam adalah bersifat kejam, sudah lapuk dan tidak sesuai lagi dipraktikkan di zaman ini atau tidak relevan untuk dipraktikkan di negara ini

SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada undang-undang yang berkaitan dengan jenayah curi sebagaimana yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah Islam dengan merujuk terus kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Kanun Keseksaan Malaysia serta undang-undang jenayah Islam sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran, al-Sunnah serta pelbagai pendapat *fuqaha'* daripada pelbagai mazhab yang terdapat di dalam kitab-kitab fiqh klasik dan moden.

METODOLOGI KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan. Bagi mencapai matlamat ini, penulis telah menggunakan beberapa kaedah atau metod untuk mendapatkan data dan menganalisa data-data berkenaan. Di antara metod yang digunakan dalam kajian ini ialah Metod pengumpulan data dan Metod penganalisaan data.

I. Metod pengumpulan data

Di dalam usaha untuk mengumpul data-data yang berkaitan dengan kajian ini, selain merujuk kepada Kanun Keseksyen Malaysia, buku-buku mengenai undang-undang jenayah moden, kitab-kitab fiqh klasik dan kontemporari dari pelbagai mazhab serta laporan-laporan kes jenayah, penulis juga telah membuat rujukan kepada tafsir-tafsir al-Quran, kitab-kitab hadis, disertasi terdahulu, artikel-artikel dari beberapa laman web serta CD-rom yang megandungi maklumat yang berkenaan dengan tajuk kajian, sebagai contoh, CD *al-Maktabah al-Alfiyyah li al-Sunnah al-Nabawiyyah* yang memuatkan maklumat lengkap tentang hadis-hadis Nabi daripada pelbagai kitab hadis muktabar. Di dalam mencari kes-kes yang dirujuk, penulis bergantung sepenuhnya kepada laporan undang-undang seperti Malayan Law Journal dan Current Law Journal dan lain-lain dan juga *on-line database* undang-undang LEXIS.

II. Metod penganalisaan data

Setelah data-data diperolehi dan dikumpulkan, penulis telah menganalisa data-data secara induktif iaitu dengan mengemukakan data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum. Metod ini digunakan di dalam bab pertama bagi meneliti pandangan *fugaha'* dan sek. 378 Kanun Keseksaan di dalam mendefinisikan ‘curi’. Daripada penelitian tersebut, penulis telah merumuskan bahawa curi ialah perbuatan mengambil harta orang lain secara sembunyi-sembunyi tanpa persetujuan atau pengetahuan atau kerelaan daripada tuan punya harta yang dicuri.

Data-data juga dianalisa secara deduktif di mana penulis menggunakan data yang bersifat umum untuk membuat satu kesimpulan yang bersifat khusus. Misalnya, penulis menggunakan kaedah ini di dalam menghuraikan bentuk hukuman yang diperuntukkan oleh Kanun Keseksaan ke atas pencuri. Melalui analisa yang dibuat terhadap data-data tersebut, maka satu kesimpulan umum diperolehi iaitu hukuman yang dikenakan ke atas pencuri ialah samada dalam bentuk hukuman penjara atau penjara dan denda atau penjara dan sebat.

Metod komparatif juga turut digunakan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data atau kes-kes yang diperolehi ketika kajian ini dibuat. Metod ini telah digunakan oleh penulis di dalam bab pertama, kedua dan ketiga. Contohnya, di dalam tiga penulis membandingkan membandingkan di antara hukuman kesalahan mencuri yang diperuntukkan oleh Kanun Keseksaan

dengan yang diperuntukkan oleh undang-undang Islam. Berdasarkan perbandingan yang dibuat, penulis membuat kesimpulan bahawa hukuman yang diperuntukkan oleh Kanun adalah bercanggah dengan hukum Islam. Di dalam menganalisa kes laporan-laporan kes pula, kaedah komparatif juga turut digunakan bagi membuat perbandingan di antara keputusan-keputusan yang diputuskan oleh mahkamah. Memandangkan kajian ini adalah berupa perbandingan di antara hukum Islam dan Kanun Keseksaan Malaysia, maka penulis telah menggunakan kaedah ini dengan meluas apabila membuat perbandingan di antara kedua-dua undang-undang ini.